

26/01/2005

ATF-Mahathir

TAMPILKAN WARNA-WARNA ASEAN SEBAGAI TARIKAN PELANCONG, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 26 Jan (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru negara-negara Asean supaya mempromosi rantau itu sebagai "rantau yang paling majmuk di dunia" sebagai antara daya tarikan pelancongnya.

Beliau menggalakkan 10 negara anggota Asean untuk mengambil kesempatan sepenuhnya daripada pakaian berwarna-warni dan pelbagai kumpulan etnik dan budaya, memandangkan ia boleh menguntungkan usaha-usaha promosi antara negara-negara.

"Indonesia mempunyai lebih kurang 200 kumpulan etnik berbeza, Vietnam, Thailand, Myanmar, termasuk Malaysia mempunyai tarikan tersendiri, setiap satu dengan pakaian warna-warni masing-masing.

"Mari kita adakan pertunjukkan fesyen mengenai pakaian-pakaian Asia Tenggara dari seluruh dunia," katanya apabila menyampaikan ucaptamanya di permulaan Persidangan Pelancongan Asean (ATC) yang diadakan sempena Forum Pelancongan Asean (ATF) 2005 di sini.

Sementara itu, dalam usaha memudahkan perjalanan bagi pelancong di rantau, Dr Mahathir mencadangkan perkhidmatan pengangkutan udara yang lebih baik dengan syarikat-syarikat penerbangan tambang murah diperkenalkan untuk menggalakkan pengembaraan dalam Asean di kalangan pelancong-pelancong asing.

Beliau juga mencadangkan visa tunggal untuk kemasukan di semua negara Asean untuk menggalakkan indusri pelancongan.

Bekas perdana menteri itu berkata buat masa ini, Malaysia, Singapura dan Brunei membenarkan pelancong memasuki negara tanpa visa selama dua tahun.

Dr Mahathir juga mencadangkan negara-negara Asean mengambil kesempatan daripada cuaca lembap menawarkan lembapan semulajadi untuk memulihara kulit yang lembut dan awet muda.

"Kita boleh memberitahu pelancong-pelancong dari Timur dan Utara dan Selatan yang jika mereka mahu kekalkan awet muda, datanglah ke Asia Tenggara. Mereka boleh menjimatkan wang krimp pelembap. Kelembapan adalah satu aset bagi Asia Tenggara. Mari kita ambil kesempatan daripada ini sebagai salah satu tarikan di rantau ini," katanya.

Semasa bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata Malaysia mensasarkan satu pelancong bagi setiap penduduknya, iaitu 25 juta pelancong setahun tidak lama lagi.

Tahun lepas, Malaysia mencatatkan ketibaan 15 juta pelancong ke dalam negara, katanya.

Mengenai malapetaka tsunami, Dr Mahathir berkata kerajaan-kerajaan Asean boleh bekerjasama untuk membangunkan sistem amaran awal untuk mengesan malapetaka seumpama itu di masa depan.

"Sebagai contoh, orang Jepun lebih arif mengenai gempa bumi dan tsunami jadi orang tahu apa untuk dilakukan dengan melihat tanda-tanda amaran. Ini tidak pernah berlaku di sini sebelum ini dan orang kita tidak memahami apa dia tsunami. Kini kita lebih arif mengenainya," kata beliau.

-- BERNAMA

TSY ZU AFY PR